

HALANGAN PERSONALITI DALAM E-PEMBELAJARAN DI POLITEKNIK :
SATU KAJIAN KES KUALITATIF

NOR HAFIFAH BINTI ABD RASID

Laporan projek ini dikemukakan sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana memberi kekuatan dari segi mental dan fizikal kepada penulis untuk menyiapkan Projek Sarjana (PS) ini. Setinggi-tinggi penghargaan buat semua pihak yang telah turut serta dalam menjayakan PSM ini secara langsung dan tidak langsung. Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek sarjana ini iaitu Profesor Madya Dr. Mohamad Hisyam bin Mohd Hashim yang telah banyak membantu dari awal projek dimulakan sehingga keseluruhan projek ini disiapkan. Terima kasih juga kerana telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta masa yang diluangkan untuk penulis. Kepada kedua ibubapa, penulis mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan kewangan untuk menyiapkan tesis ini. Penulis juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas untuk pensyarah-pensyarah Politeknik Ungku Omar (PUO) dan Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (PSA) yang banyak memberi info-info yang berkaitan tentang e-pembelajaran untuk dimuatkan di dalam tesis ini. Tidak dilupakan juga penghargaan ditujukan kepada individu-individu yang telah membantu dalam menjayakan projek ini terutamanya Mohd Afiq Mansor serta pensyarah-pensyarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang memberi komen yang membina untuk penambahbaikan tesis ini. Kepada rakan-rakan jurusan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional sesi 2012/2013 juga diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi memahami halangan personaliti di dalam E-pembelajaran di politeknik premier di Malaysia. Dua buah politeknik premier di Malaysia iaitu Politeknik Ungku Omar (PUO) dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dijadikan lokasi kajian ini. Personaliti merangkumi pelbagai aspek iaitu perangai atau tingkahlaku, sikap, minat dan pengalaman. Personaliti seseorang individu dibayangkan oleh potensinya untuk berkelakuan mengikut cara tertentu. Kajian ini menumpukan aspek personaliti pensyarah-pensyarah di politeknik premier sebagai skop kajian. Sampel kajian ini adalah pensyarah-pensyarah politeknik premier di Jabatan Perdagangan. Metodologi kajian ini adalah satu kajian kes kualitatif dimana kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data adalah melalui kaedah temubual, analisis dokumen, pemerhatian dan nota lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa personaliti pensyarah bukan merupakan penghalang penggunaan e-pembelajaran di politeknik-politeknik premier. Halangan penggunaan e-pembelajaran juga bergantung kepada halangan situasi, halangan teknologi dan halangan institusi itu sendiri. Jadi kajian lanjutan tentang hubungan keempat-empat halangan perlu dilakukan untuk menambahbaik dan memperkemaskan lagi penggunaan e-pembelajaran di institusi pengajian tinggi terutamanya di politeknik.

ABSTRACT

This research was held to understand the personality barrier in e-learning at premiere politeknik in Malaysia. Two premiere politeknik in Malaysia which is Politeknik Ungku Omar (PUO) and Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) are chosen as the locations for this research. A personality includes many aspects such as behaviour or attitudes, interest and experience. An individual's personality is illustrated by his potential to behave in certain way. This research focused on lecturers' personality at premiere politeknik. This research use premiere politeknik's lecturers at Jabatan Perdagangan. This Metadology research is one of quantitative case used to collect data in various ways such as interview, document analisis, observations and field stud. Result shows that lecturer's personality is not the barrier for e-learning at primere politekniks. The barrier of using e-learning also depends on situation, technology and the istitution itself. So, further research about those four barriers need to be done for improvement and to enhance the usage of e-learning at higher institution especially at politeknik.

KANDUNGAN

	JUDUL TESIS		i
	HALAMAN PENGAKUAN		ii
	HALAMAN DEDIKASI		iii
	PENGHARGAAN		iv
	ABSTRAK		ii
	ABSTRACT		iii
	SENARAI KANDUNGAN		iv
	SENARAI JADUAL		
	SENARAI RAJAH		x
BAB 1	PENDAHULUAN		1
	1.1 Pengenalan		1
	1.2 Latar Belakang Masalah		2
1.3	Penyata Masalah	4	
	1.4 Tujuan Kajian		6
	1.5 Persoalan Kajian		7
	1.6 Skop Kajian		7
	1.7 Batasan Kajian		7
	1.8 Kepentingan Kajian		7
	1.9 Kerangka Konseptual		9
	1.10 Definisi Operasional		12
	1.10.1 Halangan		12
	1.10.2 Personaliti		12
	1.10.3 E-pembelajaran		12
BAB 2	KAJIAN LITERATUR		15
	2.1 E-pembelajaran		15
	2.2 Penggunaan Teknologi dalam E-pembelajaran		18
2.3	Perbezaan E-Pembelajaran Dengan Pembelajaran		

Konvensional	19	
2.4	Kebaikan E-Pembelajaran	22
2.5	Personaliti	23
2.6	Konsep Personaliti	24
2.7	Klasifikasi Personaliti	26
2.7.1	Ekstrovert	27
2.7.2	Introvert	27
2.7.3	Ambibert	27
2.8	Halangan Personaliti dalam E-pembelajaran	27
2.9	Perbezaan antara personaliti, watak dan trait	28
2.10	Sikap	29
2.11	Peranan Pensyarah	31
2.12	Teori yang berkait dengan Personaliti	32
2.12.1	Teori Psikodinamik Sigmund Freud	32

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	34
3.2	Rekabentuk Kajian	34
3.3	Lokasi Kajian	35
3.4	Etika dalam Penyelidikan	36
	Kesahan dan Kebolehpercayaan	36
3.5		35
3.6	Instrumen Kajian	38
3.7	Pengumpulan Data	40
3.7.1	Temu bual	42
3.7.2	Temu bual Separa Berstruktur	43
3.8	Analisis Data	43

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	45
4.2	Pengenalan kepada Politeknik-politeknik Premier	46
4.3	Pengumpulan data	47
4.3.1	Maklumat demografi peserta kajian	48

4.3.2	Data analisis halangan personaliti dalam	e-pembelajaran di politeknik	
	50		
4.3.2.1	Persediaan pensyarah politeknik		
	untuk menggunakan teknologi di		
	dalam kampus	51	
	4.3.2.2 Rumusan		54
	4.3.3 Ke kerap an penggunaan e-pembelajaran		54
	4.3.3.1 Rumusan		57
4.3.4	Galakkan dari pensyarah untuk		
	menggunakan e-pembelajaran	57	
	4.3.4.1 Rumusan		59
4.3.5	Sikap pensyarah terhadap penggunaan	e-pembelajaran di politeknik	
	60		
	4.3.5.1 Rumusan		62
4.3.6	Persediaan pensyarah apabila diberi penekanan untuk menggunakan sistem		
	e-pembelajaran sebagai medium pengajaran dan pembelajaran		
	4.3.6.1 Rumusan	65	63
4.3.7	Kemahiran pensyarah dalam penggunaan	e-pembelajaran	
	4.2.2.12 Rumusan	68	67
4.3.8	Penggunaan e-pembelajaran di kalangan pensyarah		68
	4.3.8.1 Rumusan	71	
4.3.9	Pendapat pensyarah tentang penerimaan	e-pembelajaran daripada	
	pensyarah lain 71		
	4.3.9.1 Rumusan	73	
4.3.10	Jenis pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang menggunakan e-pembelajaran		
	73		
	4.3.10.1 Rumusan		75
4.4	Rumusan Dapatan Kajian		76

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	79
5.2	Persediaan pensyarah politeknik untuk	
	menggunakan teknologi di dalam kampus	79

5.3	Peranan Pensyarah dalam Penggunaan Politeknik	81	E-pembelajaran di
5.4	Sikap Pensyarah terhadap Penggunaan	83	E-pembelajaran
5.5	Kemahiran Pensyarah di Politeknik dalam Pengendalian Capaian E-pembelajaran	84	
5.6	Kesimpulan	85	
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	86	
	RUJUKAN		88
	LAMPIRAN		93

SENARAI JADUAL

- 2.1 Perbezaan e-pembelajaran dengan pembelajaran konvensional
- 3.1 Perbandingan kriteria penyelidikan kualitatif dan penyelidikan kuantitatif.

SENARAI RAJAH

- 1.1 Kerangka konsep kajian
- 2.1 Pengertian Personaliti
- 3.1 Protokol kajian
- 3.2 Protokol temubual

SENARAI SIMBOL / SINGKATAN

PUO	Politeknik Ungku Omar
PSA	Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
IPT	Institut Pengajian Tinggi
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

LAMPIRAN C

LAMPIRAN D

LAMPIRAN E

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sistem pembelajaran elektronik (e-pembelajaran) adalah satu medium yang boleh membantu pensyarah dan pelajar dalam proses melancarkan akitviti pengajaran dan pembelajaran (P&P). E-pembelajaran ialah istilah generik yang memaparkan pelbagai bentuk pembelajaran berasaskan elektronik (Ketabchi et al 2008; Ozkan & Koseler 2009). Keberkesanan penggunaan e-pembelajaran yang akan dinilai dan pengukuran keberkesanan boleh menjadi alat yang berguna untuk menyokong keputusan mengenai mana-mana strategi yang diperlukan dalam e-pembelajaran.

E-pembelajaran adalah salah satu penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan. Teknologi maklumat sangat berpengaruh dalam mencorak kehidupan manusia pada masa ini. Malah penggunaan teknologi dalam pendidikan mampu meningkatkan penguasaan pengajar dalam bidang teknologi maklumat dan multimedia (Salter & Hansen,1999). Individu yang tidak melibatkan diri akan kerugian pengalaman menggunakan teknologi dan kepakaran yang berkaitan dengan teknologi pendidikan (Bennet et al 1999). Penekanan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran perlu melibatkan semua peringkat pendidik.

Kajian ini memfokuskan kepada e-pembelajaran di peringkat politeknik. Dengan pertambahan pelajar di sesebuah politeknik, maka bilangan tenaga pengajar yang ramai diperlukan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2005 sekurang-kurangnya satu kursus akan diadakan secara e-pembelajaran terutama kursus dalam bidang teknikal dan vokasional serta bidang perdagangan.

E-pembelajaran ialah salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan infrastruktur ICT bagi penyebaran pengetahuan dan pelaksanaan pembelajaran kolaboratif (*collaborative learning*). E-pembelajaran boleh diaplikasikan dalam pelaksanaan kursus atau program secara jarak jauh dan juga untuk tujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bersemuka (*face-to-face teaching and learning*) bagi kursus atau program yang dilaksanakan secara konvensional.

E-pembelajaran perlu dieksploitasi sepenuhnya oleh pelajar yang mengikuti kursus perdagangan supaya dapat memberikan kesan yang positif dalam pembelajaran aliran perdagangan. Pembelajaran yang hanya tertumpu kepada kaedah pengajaran di bilik kuliah semata-mata tidak mampu untuk menjayakan pelaksanaan program perdagangan dengan lebih berkesan (Ismail, Ayod, Maizam, *et al.*, 2003). Menurut Pollard & Hillage (2001), bukan semua individu yang menikmati kelebihan e-pembelajaran. Terdapat empat halangan utama yang disenaraikan oleh *1st International Malaysian Education Technology Convention* iaitu halangan teknologikal, halangan personaliti, halangan situasi dan halangan institusi pengajian. Penekanan difokuskan kepada halangan personaliti dimana ia merujuk kepada sikap dan persepsi pelajar terhadap e-pembelajaran.

Kebiasaannya pensyarah di politeknik terutamanya dalam bidang perdagangan menghadapi masalah kebimbangan terhadap teknologi. Ini telah menjadi penghalang kepada mereka untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran mereka. Terdapat enam faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi iaitu kursus teknologi yang diberikan, kebimbangan terhadap teknologi, efektif pengajaran dengan menggunakan teknologi moden, kesediaan terhadap teknologi moden, pengertian terhadap halangan, kebimbangan terhadap teknologi dan kepunyaan rangkaian internet di rumah. Menurut kajian Ting Kung Shiung (2004), kursus teknologi, penerimaan efektif pengajaran dan kesediaan penggunaan teknologi menyumbang sederhana kepada penggunaan dan penerimaan pensyarah kerjaya dan teknikal terhadap penggunaan teknologi seperti e-pembelajaran dalam proses pengajaran mereka. Hal ini menyebabkan pensyarah tidak menggunakan e-pembelajaran sebagai salah satu medium pengajaran mereka kepada pelajar.

Penekanan difokuskan kepada halangan personaliti dimana ia merujuk kepada sikap pensyarah terhadap e-pembelajaran. Halangan dalam e-pembelajaran yang akan difokuskan adalah halangan personaliti pelajar dan juga pensyarah. Halangan personaliti termasuklah berkaitan dengan masalah peribadi individu itu sendiri seperti tidak minat terhadap aplikasi komputer, tidak selesa dengan kemudahan ICT dan pengurusan masa terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran (Mohd Koharuddin dan Adanan Mat Junoh, 2003). Pendidik adalah golongan manusia yang memberi kesan besar terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal setiap pelajarnya (Noran, 1993). Pendidik yang demikian akan rasa bersalah dengan pengurangan komitmen terhadap pelajar mereka yang sentiasa memerlukan tunjuk ajar dan bantuan. Pengajaran dan pembelajaran haruslah menyeronokkan di mana ia boleh mengaitkan pelajaran di kelas dengan keadaan di luar sekolah dengan lebih mencabar. Penyediaan kurikulum yang boleh dilaksanakan harus mengambil kira kekurangan yang wujud mengenai keterampilan guru (Thijs, G.D et. Al, 1994). Untuk menjadi pendidik yang profesional, seseorang pendidik itu harus menekankan tiga aspek penting dalam dirinya iaitu kepakaran, pengetahuan dan pembentukan sahsiah (Robiah, 1998). Mereka bukan sahaja berkemahiran mengajar dan mengembangkan ilmu pengetahuan, malah sikap, tingkahlaku dan disiplin diri harus dibentuk ke arah profesional.

Menurut Mohamed Amin Embi (2010), sekiranya pelajar dan pensyarah tidak menggunakan aplikasi e-pembelajaran yang disediakan oleh pihak institusi, maka semua program yang akan dijalankan oleh pihak kementerian yang melibatkan teknologi terkini tidak dapat dijayakan dengan berkesan. Proses pengajaran dan pembelajaran adalah satu proses yang melibatkan interaksi guru dengan murid. Berkesannya pengajaran guru hanyalah bergantung kepada bagaimana guru dapat menyesuaikan diri dan memahami masalah pembelajaran murid. Terdapat pelbagai aspek yang mempengaruhi mutu pengajaran guru. Antaranya ialah pengetahuan dan ilmu yang dimiliki oleh guru, kaedah yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan personaliti guru. Aspek-aspek ini mestilah dikenalpasti dan difahami. Malah pembangunan e-pembelajaran boleh dianggap sebagai suatu usaha yang mensia-siakan.

1.3 Penyataan Masalah

Pendidik memainkan peranan yang penting dalam pembentukann masyarakat dan pembangunan negara. Dengan kepesatan perkembangan sains dan teknologi hari ini, perubahan dalam sistem pendidikan diperlukan bagi menangani arus perubahan dunia yang bergerak pesat ke arah industri yang mementingkan kepakaran dalam sains dan teknologi hari ini. Dengan menyedari pentingnya peranan pendidikan, maka kerajaan telah mengambil pelbagai langkah yang perlu bagi memastikan ianya dapat berkembang sejajar dengan perkembangan teknologi semasa. Walaubagaimanapun timbul persoalan, adakah para pelajar mampu untuk bersaing dalam dunia pendidikan yang begitu pantas perkembangannya. Perkembangan ini amat ketara terutamanya dalam bidang sains dan teknologi.

Semua orang tahu, pensyarah adalah jentera terpenting dalam memastikan proses pendidikan berjalan mengikut acuan yang diinginkan bagi pelajar polteknik. Dengan itu, pensyarah perlu bijak dalam memainkan peranan untuk membimbing dan mendorong pelajar ke arah sikap yang positif terhadap pendidikan berteraskan teknologi. Pensyarah perlu sentiasa peka dan bertanggungjawab terhadap tugas mereka sebagai seorang pendidik. Pensyarah perlu sentiasa menyediakan diri bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Dengan itu, penyelidik ingin meninjau persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran guru yang berkesan. Tiga aspek utama yang hendak ditinjau dari persepsi pelajar terhadap pensyarah mereka ialah persediaan guru iaitu ilmu yang dimiliki tentang isi pelajaran, kaedah yang digunakan guru semasa mengajar iaitu kemahiran yang dimiliki untuk menyampaikan isi pengajaran, personaliti yang dimiliki oleh pensyarah iaitu sikap pensyarah terhadap pengajaran dan pembelajaran teknikal.

Komputer dan telekomunikasi memainkan peranan penting dan telah menjadi satu medium yang cukup penting dalam pembelajaran masa kini. Perlaksanaan e-pembelajaran dalam pendidikan telah bermula sejak tahun 1998. Dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan e-pembelajaran, tidak kurang juga yang menyatakan kelemahan dan kekanganya. Walaupun pihak institusi menyediakan pelbagai kemudahan P&P melalui penggunaan e-pembelajaran dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi, namun masih ada pelajar yang kurang menggunakan

kemudahan ini sebagai satu alternatif untuk mendapatkan ilmu walaupun mereka tahu kewujudan e-pembelajaran tersebut.

Walaupun banyak usaha yang dilakukan untuk memperkembangkan e-pembelajaran, tetapi ia hanya sebahagian keterangan yang menyokong bahawa e-pembelajaran untuk pelajar adalah efektif. Halangan semasa memperkembangkan e-pembelajaran didapati membawa kepada kesan terhadap seseorang individu dalam P&P dan tahap kepuasan pembelajaran mereka. Penggunaan e-pembelajaran di kalangan pensyarah dan pelajar amat penting dalam melicinkan lagi kaedah pembelajaran maya. Namun begitu, P&P secara elektronik masih kurang digunakan oleh para pensyarah mahu pun pelajar sebagai salah satu medium pembelajaran bagi menggantikan kaedah P&P konvensional walaupun e-pembelajaran telah lama diperkenalkan di dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pengajian Tinggi pada tahun 2010 mendapati bahawa e-pembelajaran di institusi pengajian tinggi terutamanya di politeknik tidak begitu diminati dan kurang dicapai oleh para pensyarah dan pelajar. Mereka lebih menumpukan kepada pembelajaran konvensional sahaja. Dengan adanya kajian ini, ia dapat mengukuhkan lagi persepsi penyelidik untuk membuat penyelidikan. Pengenalpastian terhadap personaliti yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar dalam menggunakan e-pembelajaran perlu dikaji bagi memastikan penggunaan e-pembelajaran dapat memberi impak yang maksimum kepada P&P yang lebih berkesan dan efektif seiring dengan kemajuan teknologi pada masa sekarang.

1.4 Tujuan Kajian

Dalam penyelidikan ini, pengkaji ingin mengkaji bagaimanakah halangan personaliti mempengaruhi penggunaan e-pembelajaran di politeknik. Selain itu, penyelidik ingin mengkaji pengetahuan pensyarah politeknik terhadap penggunaan e-pembelajaran. Pengkaji ingin mengkaji sikap pensyarah dalam penggunaan e-pembelajaran dimana ia menjadi faktor penghalang kelancaran penggunaan e-pembelajaran di politeknik. Kadar kekerapan kemudahan teknologi ini juga boleh diukur melalui penyelidikan ini. Melalui kajian ini, pengkaji akan dapat

mengenalpasti tahap motivasi pensyarah dalam penggunaan e-pembelajaran sebagai medium yang berkesan untuk pembelajaran dan interaksi antara pelajar bagi melancarkan proses P&P di politeknik.

1.5 Persoalan Kajian

Soalan kajian dalam pelaksanaan penyelidikan ini ialah:

- (a) Bagaimanakah persediaan pensyarah politeknik untuk menggunakan teknologi di dalam kampus?
- (b) Bagaimanakah peranan pensyarah dalam penggunaan e-pembelajaran di politeknik?
- (c) Bagaimanakah sikap pensyarah dan pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran?
- (d) Apakah kemahiran pensyarah di politeknik dalam mengendalikan capaian e-pembelajaran?
- (e) Bagaimanakah penggunaan e-pembelajaran di kalangan pensyarah di politeknik?

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada pensyarah-pensyarah yang mengajar di politeknik premier. Terdapat tiga buah politeknik premier daripada 27 buah politeknik di seluruh negara. Ketiga-tiga politeknik ini adalah politeknik yang dinaik taraf bermula Julai 2010. Politeknik premier tersebut adalah Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Johor Bahru (PJB) dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Pensyarah yang terlibat adalah pensyarah di Jabatan Perdagangan bagi setiap politeknik tersebut.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah tempoh masa yang diberikan adalah singkat untuk melaksanakan kajian ini. Selain itu, lokasi kajian hanya tertumpu di sebuah politeknik sahaja, jadi maklumat yang diperolehi adalah tidak menyeluruh bagi mewakili keseluruhan politeknik yang terdapat di Malaysia. Pengkaji membuat andaian bahawa pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar di politeknik tersebut ini dapat memberi respon dengan baik mengenai penggunaan e-pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, faktor kewangan juga menjadi halangan dalam melakukan kajian ini. Ini kerana dalam melakukan kajian ini memerlukan belanja untuk mendapatkan data di politeknik tersebut. Pengkaji terpaksa berulang-alik untuk mendapatkan data yang benar-benar mencapai tujuan kajian yang dikehendaki oleh penyelidik.

1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilaksanakan mempunyai tujuan dan kepentingannya yang tersendiri. Begitu juga dengan kajian ini, pengkaji mengharapkan hasil dapatan kajian ini dapat menyumbang secara amnya ke arah peningkatan taraf pendidikan di negara kita. Secara khususnya, kajian ini diharap dapat mewujudkan kesedaran kepada pihak-pihak berkenaan untuk menambah baik keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di politeknik. Dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang dalam pembentukan barisan pensyarah yang lebih mantap dalam pengajaran mereka yang mampu menyampaikan pengajaran berkesan dan contoh tauladan, serta motivasi kepada pelajar-pelajar mereka seterusnya dapat membentuk graduan yang memiliki integriti diri yang tinggi.

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pensyarah untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri melalui amalan refleksi sendiri dengan menjadikan pensyarah yang cemerlang sebagai contoh dengan tujuan dapat menjadikan asas kepada peningkatan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran pada masa-masa akan datang.

Diharap pihak politeknik dapat menggunakan hasil kajian ini untuk mengenalpasti watak atau ciri-ciri pensyarah yang cemerlang seterusnya

menganjurkan program-program khas berorientasikan kecemerlangan personaliti bertujuan untuk meningkatkan prestasi pengajaran pensyarah. Disamping itu juga, pihak fakulti seharusnya dapat memanfaatkan dapatan kajian ini untuk merangka strategi pengajaran yang lebih efisien seterusnya menambahkan jumlah pensyarah yang cemerlang dalam pengajaran.


Pihak politeknik diharap dapat menggunakan hasil dapatan kajian ini sebagai titik tolak untuk merangka peraturan atau syarat dalam memilih kakitangan akademik akan datang dengan berfokuskan kepada kemahiran pedagogi dan kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat. Selain itu, pengkaji juga berharap agar pihak politeknik memandang serius tentang halangan personality dalam menjayakan e-pembelajaran dalam P&P. Cadangan daripada penyelidik agar pihak politeknik memberi anugerah khas kepada pensyarah-pensyarah yang menggunakan e-pembelajaran yang berkesan dalam P&P. Ini bertujuan dapat memotivasikan pensyarah-pensyarah lain dan sebagai panduan asas untuk menggunakan kaedah pengajaran yang terbaik dalam pengajaran mereka.

Kajian ini juga diharap dapat menjadi rujukan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha merangka struktur kurikulum yang berteraskan pada kemahiran mengajar di kalangan bakal-bakal pensyarah selain daripada penguasaan ilmu di dalam sesuatu bidang. KPM juga perlu menetapkan standard asas berkaitan personaliti dan akhlak sebagai salah satu syarat yang harus dilepasi untuk menjadiseorang pensyarah di institusi pengajian tinggi (IPT).

1.9 Kerangka Konseptual

Teori psikologi Mishel (1968) digunakan sebagai garis panduan dalam kajian ini. Teori psikologi ini menerangkan bahawa personaliti merangkupi pelbagai aspek iaitu perangai, kecerdasan, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai. Personaliti seseorang individu dibayangkan oleh potensinya untuk berkelakuan mengikut cara tertentu. Rajah 1.1 dibawah menunjukkan olahan penyelidik mengenai kerangka konseptual.





Rajah 1.1 : Kerangka konsep kajian (olahan dari teori psikologi Mishel 1968)

Teori psikologi Mishel 1968 menerangkan personaliti seseorang dalam menentukan keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Daripada teori tersebut, penyelidik telah mengolah untuk dijadikan kerangka konseptual di mana ia merujuk kepada kesesuaian dengan pelaksanaan e-pembelajaran di dalam pengajaran dan pembelajaran. Terdapat empat ciri personaliti yang dikenalpasti menjadi penghalang utama dalam pelaksana e-pembelajaran di dalam kelas. Setiap manusia mempunyai nilai personaliti dirinya yang tersendiri. Personaliti atau juga dikenali sebagai sahsiah dapatlah diertikan secara umum sebagai lambang ciri keperibadian seseorang individu yang membawa ciri-ciri perbezaan dengan individu yang lain. Menurut Mahmood (1992), personaliti merupakan sifat-sifat yang ada pada seseorang individu seperti cara berfikir, beraksi, beremosi, berpersepsi dan lain-lain lagi yang membolehkannya berbeza dengan orang lain. Penemuan pengkaji psikologi pada ciri-ciri personaliti yang terdapat pada manusia adalah terlalu banyak, contohnya Allport (1936) yang menemui sebanyak 17,953 trait personaliti manusia.

Personaliti manusia akan lebih bagus untuk difahami jika terdiri daripada hierarki yang mengandungi tingkah laku dan set-set tingkah laku secara menyeluruh dan penting dalam personaliti. Eysenck (1990) sangat percaya bahawa asas keseluruhan trait personaliti berasal dari keturunan dalam bentuk jenis dan trait. Beliau juga berpendapat bahawa semua tingkahlaku dipelajari daripada persekitaran. Menurutnya, personaliti adalah suatu keseluruhan pada pola tingkahlaku sebenar dan

potensi dari organisma, sebagaimana ditentukan oleh keturunan dan persekitaran. Pola tingkahlaku itu berasal dan dikembangkan melalui interaksi fungsional daripada empat sektor utama yang mengatur tingkahlaku iaitu; sektor kognitif (*intelligence*), sektor konatif (*character*), sektor afektif (*temperament*), sektor somatik (*constitution*).

Bagi ciri sikap yang ada dalam personaliti pula ialah kecenderungan untuk bertindakbalas sama ada secara positif atau negatif terhadap sesetengah perkara seperti idea, pendapat, objek, orang atau situasi dan sikap juga berkait rapat dengan pendapat atau keyakinan yang berdasarkan kepada pengalaman seseorang. Contohnya, jika pensyarah itu mempunyai sikap prihatin terhadap pelajar, mereka akan menggunakan e-pembelajaran sebagai salah satu platform dalam P&P bagi memudahkan interaksi antara pensyarah dan juga para pelajar. Ia bersesuaian dengan kemajuan teknologi pada masa sekarang dimana pembelajaran dihujung jari diterapkan kepada pelajar.

Seterusnya adalah minat iaitu diertikan sebagai kehendak, keinginan atau kesukaan. Minat adalah sesuatu yang peribadi dan berhubungan erat dengan sikap. Minat dan sikap merupakan dasar bagi prasangka, dan minat juga penting dalam mengambil keputusan. Minat dapat menyebabkan seseorang giat melakukan menuju ke sesuatu yang telah menarik minatnya. Minat merupakan sumber motivasi yang mendorong orang untuk melakukan apa yang mereka inginkan bila mereka bebas memilih. Minat dalam kajian ini adalah merujuk kepada minat pensyarah dalam menggunakan teknologi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran iaitu dengan menggunakan e-pembelajaran sebagai salah satu medium pengajaran. Jika pensyarah itu mempunyai minat yang mendalam terhadap teknologi, mereka akan memaksimumkan penggunaan e-pembelajaran ini sebagai medium pengantara penyampaian kepada para pelajar di politeknik.

Pengalaman merupakan akumulasi gabungan dari semua yang diperoleh melalui berhadapan dan berinteraksi secara berulangulng dengan sesama benda alam, keadaan, gagasan, dan penginderaan. Pengalaman adalah sesuatu yang pernah dialami, dijalani, dirasai, ditanggung dan sebagainya. Pengalaman dalam konteks ini adalah pengalaman pensyarah dalam menggunakan teknologi untuk pengajaran dan pembelajaran. Mereka yang berpengalaman akan mempunyai kepakaran dalam mengendalikan teknologi sebagai medium pengajaran.

1.10 Defini Operasional

1.10.1 Halangan

Halangan bermaksud suatu hal yang menjadi sebab tidak terlaksananya suatu rencana (maksud, keinginan) atau terhentinya suatu pekerjaan. Halangan merupakan penyebab sesuatu kegagalan perancangan yang ingin dilakukan.

1.10.2 Personaliti

Personaliti ditakrifkan sebagai himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik untuk seseorang dan kekal dengan masa. Personaliti juga berkait rapat dengan tindak-tanduk seseorang seseorang yang ingin menzahirkan ciri- ciri kawalan emosi dan pemikiran. Personaliti memainkan peranan penting seseorang daripada sudut pandangan luaran memainkan karektor diri. Sehubungan itu, satu daripada penyelidikan menjelaskan rupadiri dapat diukur dari dalam dan boleh dizahirkan pada luaran. Sebenarnya personaliti menggambarkan keseluruhan seseorang.

1.10.3 E-pembelajaran

E-pembelajaran adalah sebarang pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik (LAN, WAN atau Internet) untuk penyampaian isi kandungan, interaksi ataupun pemudahcaraan. Internet, intranet, satelit, tape audio atau video, TV interaktif dan CD-ROM adalah sebahagian dari media elektronik yang dimaksudkan di dalam kategori ini. Pengajaran boleh disampaikan secara serentak ataupun secara berasingan. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui media ini mempunyai teks, grafik, animasi, simulasi, audio dan video. Ia juga harus menyediakan kemudahan untuk perbincangan secara berkumpulan dan bantuan profesional isi pelajaran secara dalam talian atas talian (Learnframe, 2001).

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

E-pembelajaran dapat ditakrifkan dengan pelbagai definisi antaranya ialah pendekatan dan kaedah instruksi serta pembelajaran yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara terarah guru atau pelajar. E-pembelajaran juga bermaksud pendekatan pembelajaran yang menggunakan media digital dan rangkaian komputer untuk menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan terutamanya menggunakan internet. Skop penggunaannya telah menjangkau lebih dari konsep pendidikan berbentuk komputer atau multimedia yang sering dibincangkan pada suatu ketika dahulu. Ia bukan sekadar penggunaan ‘*power point*’ untuk pengajaran dan pembelajaran tetapi suatu pendekatan di mana interaksi pelajar dengan sistem serta infrastruktur diberi penumpuan.

E-pembelajaran menurut Moodle dalam moodle.org (2011) mentakrifkan ia sebagai satu pakej perisian sumber terbuka yang diperolehi secara percuma dan direka bentuk untuk membantu pendidik semasa membina kursus atas talian atau dikenali sebagai *e-learning*. Atan et al. (2006) menjelaskan kebaikan utama Moodle (2001) adalah reka bentuknya yang berasaskan pendekatan konstruktivisme iaitu memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk membina dan menimba ilmu pengetahuan melalui aktiviti perkongsian maklumat dan perbincangan di atas talian.

E-pembelajaran didefinisikan oleh Omar dan Ahmad (2009) sebagai tafsiran mengikut acuan organisasi dan institusi itu sendiri dan merupakan inovasi dalam sistem pendidikan yang diperbaharui untuk menggantikan sistem pendidikan sedia ada. Bagaimanapun Mohamed Amin Embi (2010) menganggap penggunaan e-pembelajaran sebagai pelengkap kepada pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara bersemuka atau kaedah konvensional. Ini dipersetujui oleh Shukri et al., (2007) iaitu penggunaan e-pembelajaran memberikan kebebasan

kepada pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran sesuatu kursus. Pelajar bebas belajar mengikut kemampuan diri, bebas mengulang kaji sesuatu kursus yang tidak difahami mengikut keperluan dan pemahaman masing-masing melalui muat turun nota kuliah serta pautan kepada pelbagai sumber maklumat. E-pembelajaran membolehkan pelajar berkomunikasi di dalam forum atau perbincangan, menjalankan penilaian seperti kuiz, tugas dan ujian secara akses sendiri, kadar sendiri dan pengajian sendiri tanpa perlu menghadiri kelas.

E-pembelajaran ialah pelbagai pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik (LAN, WAN atau internet bagi menyampaikan kandungan dan interaksi, internet, intranet, satelit, pita video, interaktif TV dan cakera padat adalah sebahagian dari media elektronik. Pengajaran boleh disampaikan secara langsung atau tidak langsung. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh media mengandungi teks, grafik, animasi, simulasi, audio atau video. Ia juga perlu mempunyai kemudahan perbincangan berkumpulan atau bantuan pakar secara talian. E-pembelajaran bukan sahaja terdiri dari satu set kursus malahan apabila pelajar mendaftar sesuatu kursus, pengalaman pembelajaran perlu dipantau dan direkodkan serta disebarkan kepada semua landasan. Sistem pengurusan pembelajarn menyimpan kursus-kursus dalam persekitaran pendidikan. Pendaftaran pelajar, pencapaian prestasi kemajuan pelajar, soalan ujian dan peperiksaan dan laporan kepada pengajar, pengurus dan juga majikan, kesemuanya terdapat dalam Sistem pengurusan pembelajaran. Oleh itu, penjana kepada e-pembelajaran atau pembelajaran maya serta merupakan sekolah dalam konteks tradisional.

Antara ciri-ciri e-pembelajaran adalah seperti berikut:

- (a) Teknologi elektronik sebagai bantuan
- (b) Bahan yang direka dan dibina oleh pasukan pembina bahan professional
- (c) Kurikulum dan kursus yang disediakan dalam rangkaian talian
- (d) Boleh belajar pada bila-bila masa dan tempat
- (e) Pengurusan kursus yang efektif

Nichos (2003) berpendapat bahawa e-pembelajaran ialah penggunaan pelbagai alat teknologi yang berasaskan web yang bertujuan untuk pendidikan. E-pembelajaran adalah merujuk kepada komunikasi dalam talian yang memberi banyak peluang dan pilihan untuk berinteraksi serta komunikasi dalam pembelajaran dan pembelajaran. Komunikasi dalam talian membolehkan pelajar lebih bebas untuk berinteraksi. Pembelajaran menjadi lebih fleksible dimana pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah serta kakitangan politeknik boleh belajar di mana-mana tempat tanpa sekatan geografi dan masa. E-pembelajaran telah mendapat perhatian di kebanyakan institusi pengajian tinggi sebagai satu cara alternatif pembelajaran untuk berinteraksi dengan pelajar tanpa bersemuka.

E-pembelajaran dilaksanakan bukan seperti yang pernah diketengahkan oleh golongan yang mengamalkan pendidikan berbantuan komputer dimana secara individu diberi penekanan utama. Cara pembelajaran kolaboratif, perbincangan dengan rakan dengan individu lain melalui rangkaian internet memainkan peranan penting dan dengan cara ini pembelajaran akan menjadi lebih aktif dan berkesan. Justeru itu, susunan bilik darjah dan jenis perabot mesti diubahsuai dan sudah pasti akan membawa implikasi kos alatan dan bilangan di dalam kelas. Satu lagi implikasi ialah e-pembelajaran merupakan satu cara baru yang memudahkan perkongsian maklumat dan sumber pendidikan yang bijak. Pengajaran dan pembelajaran secara kolaboratif dan bersepadu adalah sesuatu yang digalakkan kerana dengan cara ini pendidikan akan menjadi lebih berkesan. Berhubung dengan pelaksanaan e-pembelajaran, mod pengajaran dan pembelajaran tidak semestinya tertumpu di makmal sahaja. Ia boleh berlaku dimana-mana tempat. Pelajar-pelajar dan guru-guru boleh mengakses bahan yang terkandung di dalam e-pembelajaran pada bila-bila masa.

Akhir sekali, e-pembelajaran dikatakan dapat membekalkan pengajaran dan pembelajaran tanpa batasan masa, ruang dan lokasi, penggunaan e-pembelajaran akan menjangkau kepada lebih ramai pelajar luar bandar dan yang berpendapatan rendah (Johari Mat, 2000).

2.2 Penggunaan Teknologi dalam E-pembelajaran

Penggunaan komputer dalam bidang pendidikan telah bermula sejak tahun 1959 lagi di mana beberapa kumpulan penyelidik telah berusaha untuk mengkaji serta memperkenalkan kaedah bagaimana komputer dapat membantu dalam proses P&P. Pada awal abad ke 21, perkembangan teknologi rangkaian telah menyebabkan penyebaran maklumat menjadi semakin luas. Kebanyakan sistem telah diaplikasikan berasaskan web yang membolehkan pengguna berinteraksi secara atas talian termasuklah sistem pembelajaran. Namun begitu terdapat pelbagai sikap dan persepsi yang ditunjukkan terhadap penerimaan e-pembelajaran dalam proses P&P. Penggunaan teknologi maklumat dan tahap kepuasan pengguna adalah dua faktor utama yang memberi kesan terhadap pencapaian sesuatu implementasi teknologi maklumat (Kim, Suh dan Lee, 1998) dan menurut (Woodroof & Kasper, 1998) penggunaan teknologi maklumat dan sikap pengguna terhadap teknologi juga memberi impak kepada kejayaan pelaksanaan sesuatu teknologi maklumat. Menurut Collin (2002), terdapat empat pusat atribut yang membolehkan pensyarah dan pelajar mengamalkan e-pembelajaran iaitu:

- (a) Ia menyediakan pelbagai isi kursus seperti silibus, persembahan menggunakan power point, nota dan dokumen digital.
- (b) Ia membolehkan interaksi berlaku seperti ruang sembang (*chat room*) untuk perbincangan dan e-mel.
- (c) Ia boleh digunakan untuk mengadakan kuiz secara dalam talian menggunakan masa yang ditetapkan atau untuk memastikan tahap pemahaman pelajar terhadap kursus.
- (d) Jabatan boleh menggunakannya untuk mengurus maklumat rahsia seperti data dan gred pelajar.

Kecekapan untuk menggunakan dan optimumkan teknologi yang disediakan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Ia juga didefinisikan sebagai kemahiran berkaitan dengan perkakasan dan perisian dalam pelaksanaan e-pembelajaran. Terdapat beberapa jenis teknologi yang boleh meningkatkan pembelajaran (Heinich, Molenda, Russell, Smaldino, 1996) seperti:

- (a) Pemprosesan perkataan

- (b) Hambaran elektronik
- (c) Pengkalan data
- (d) Penggunaan internet
- (e) Menggunakan mel elektronik (e-mel)
- (f) Animasi
- (g) Aplikasi pengarang laman sesawang
- (h) Membina projek berasaskan multimedia
- (i) Sistem rangkaian e-pembelajaran
- (j) Membina sistem pengurusan kandungan pembelajaran
- (k) Membina sistem pengurusan pembelajaran
- (l) Pelbagai bentuk penyebaran “*offline*” dan “*online*”

2.3 Perbezaan E-Pembelajaran Dengan Pembelajaran Konvensional

Kemahiran teknikal dan keperluan bagi menjayakan perbincangan di atas talian untuk memudahkan cara dan juga memberi kesedaran kepada pelajar (Kearsley, 2000; Rosenburg, 2001). Bagi sumber tidak langsung kemahiran menyelaras ialah membenarkan masa untuk refleksi, membawa perbincangan hidup dan produksi dan mengurus perbincangan untuk pengajaran seterusnya. Antara perbandingan aktiviti oleh pensyarah atau pemudah cara pengajaran atas talian dan aktiviti kelas secara tradisi adalah seperti dalam Lampiran 2.

Di dalam sebarang bentuk pembelajaran, kejayaannya banyak bergantung kepada usaha pendidik dan juga pelajar. Di dalam kelas tradisional, guru dianggap sebagai pendeta di atas pentas. Pensyarah dianggap sebagai orang yang serba tahu dan ditugaskan untuk menyalurkan ilmu pengetahuan beliau kepada pelajarannya. Sebarang perancangan pada kebiasaannya adalah berpusatkan guru. Di dalam pembelajaran e-pembelajaran fokus utamanya adalah pelajar. Pelajar perlu berdikari pada masa-masa tertentu dan bertanggungjawab untuk pembelajarannya. Suasana pembelajaran e-pembelajaran akan melatih pelajar memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembelajarannya. Pelajar membuat perancangan dan mencari bahan atau maklumat dengan daya usaha dan inisiatif sendiri.


2.4 Kebaikan E-Pembelajaran

Persekitaran di atas talian menawarkan peluang yang besar bagi semua yang sebelum ini terhad dalam pendidikan dan juga paradigma baru bagi pendidik di mana-mana kursus yang dinamik. Berikut adalah beberapa kebaikan utama dari program e-pembelajaran:

- a) Capaian pelajar
- b) Penekanan penyelesaian dan hasil pembelajaran
- c) Jimat kos jangka panjang
- d) Fokus pelajar
- e) Boleh sukat
- f) Kesan pembelajaran yang sama atau lebih
- g) Masa respon yang lebih pantas
- h) Penggunaan pakar yang lebih baik
- i) Latih dan pulih

2.5 Personaliti

Secara umum personaliti bermaksud sahsiah, keperibadian, atau perwatakan seseorang. Personaliti berasal daripada bahasa Latin iaitu persona yang bermaksud topeng muka. Topeng muka ini di gunakan oleh pelakon–pelakon Yunani di atas pentas untuk berlakon. Mereka memakai topeng yang bersesuaian dengan watak mereka yang hendak dipersembahkan. Personaliti merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan. Ini merangkumi pelbagai aspek seperti perangai, kecerdasan, sentiment, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai. Personaliti seseorang individu dibayangkan oleh potensinya untuk berkelakuan mengikut cara tertentu. Definisi personaliti dapat dibahagikan kepada beberapa pendapat seperti rajah 2 dibawah:



Rajah 2 : Pengertian Personaliti

Pada pandangan Mishel (1968) personaliti adalah pola-pola atau tingkah laku seseorang individu yang dijemakan dalam kehidupan seharian masing-masing. Ini bermaksud segala kerja atau kegiatan yang dilakukan oleh seseorang dapat menggambarkan personaliti mereka yang sebenar.

Allport (1961) pula mendefinisikan personaliti sebagai satu organisasi dinamik sistem psikofizikal pada seseorang individu yang menentukan tingkah laku dan fikirannya yang khusus. Dinamik membawa maksud perubahan yang boleh berlaku di dalam kualiti tingkah laku seseorang individu. Organisasi membawa implikasi bahawa semua trait seperti kerajinan, kesabaran dan daya tuju adalah saling berkait. Sistem psikofizikal pula merujuk kepada tabiat, sikap, nilai, kepercayaan, kebiasaan, emosi dan sentimen yang terdapat dalam bentuk psikologi tetapi yang mempunyai asas fizikal di dalam urat saraf dan tubuh badan.

Menurut Eysenck (1981) pula personaliti ialah organisasi watak, perangai, intelek, bentuk badan yang agak stabil dan yang menentukan penyesuaiannya yang unik terhadap persekitarannya.

Kagen, J dan Segal, J (1988) mentakrifkan personaliti sebagai corak keseluruhan seseorang individu yang merangkumi pelbagai aspek termasuk cara dia berfikir, berasa, bertingkah laku dan cara berhubung dengan alam sekitarnya. Watson

(1919) berpendapat bahawa personaliti merupakan teori tingkah laku seseorang dan behaviorisme.

2.6 Konsep Personaliti

Setiap manusia mempunyai nilai personaliti dirinya yang tersendiri. Personaliti atau juga dikenali sebagai sahsiah dapatlah diertikan secara umum sebagai lambang ciri keperibadian seseorang individu yang membawa ciri-ciri perbezaan dengan individu yang lain. Menurut Mahmood (1992), personaliti merupakan sifat-sifat yang ada pada seseorang individu seperti cara berfikir, beraksi, beremosi, berpersepsi dan lain-lain lagi yang membolehkannya berbeza dengan orang lain. Penemuan pengkaji psikologi pada ciri-ciri personaliti yang terdapat pada manusia adalah terlalu banyak, contohnya Allport (1936) yang menemui sebanyak 17,953 trait personaliti manusia. Sebahagian daripadanya seperti lokus kawalan, motivasi pencapaian, autoritariannisme, mechiavellisnisme dan estim sendiri adalah merupakan ciri-ciri personaliti yang mempengaruhi tingkah laku kerja (Ishak, 2004). Jenis-jenis personaliti yang wujud pada setiap individu manusia adalah bersifat kepelbagaian dan ini diperlihatkan melalui pelbagai kajian trait-trait personaliti manusia. Allport (1937) melihat personaliti manusia adalah sebagai hasil daripada gabungan biologi dan persekitaran, manakala ciri-ciri yang diwarisi pula dibentuk oleh pengalaman seseorang individu itu. Menurut Eysenck (1981) pula personaliti ialah organisasi watak, perangai, intelek, bentuk badan yang agak stabil dan yang menentukan penyesuaiannya yang unik terhadap persekitarannya.

Dari perspektif Islam, personaliti ditakrifkan sebagai sahsiah atau secara umumnya adalah akhlak. Akhlak ini terbahagi kepada dua jenis iaitu akhlak yang terpuji atau akhlak yang tercela (Shahabudin & Rohizani, 2002). Kedua-dua jenis akhlak ini merangkumi dua dimensi sama ada zahir mahupun batin. Akhlak yang zahir dapat dilihat dan diukur dari luaran manakala akhlak yang batin pula tersirat dalam hati, akan tetapi lama kelamaan ia akan terlahir juga melalui perubahan tingkah laku. Bagi suatu personaliti yang unggul, Islam menekankan keseimbangan antara jasmani dan rohani. Kesihatan jasmani dimantapkan dengan permakanan dan gaya hidup yang sihat. Begitu juga dengan kesihatan roh yang memerlukan makanan

rohani iaitu amalan sebagai hamba kepada Allah SWT dengan melakukan segala yang disuruh Allah dan meninggalkan segala yang dilarangnya. Malahan jiwa dan roh juga akan sentiasa lebih tawadduk bila mana diisi dengan amalan wirid dan zikir yang sentiasa mengingati Allah. Dengan kemuliaan amalan itu, maka sifat sebagai hamba akan menyingkir segala rasa negatif dan sombong sehingga tingkah laku akan terjelma sebagai seorang yang sangat berakhlak.

Oleh itu, Islam sangat menegaskan kepentingan kepada kedua-dua jenis akhlak ini bersesuaian dengan hakikat penciptaan manusia oleh Allah S.W.T bahawa manusia itu tercipta daripada unsur rohani dan jasmani serta sangat saling berkaitan. Buat umat Islam, model akhlak yang terbaik yang seharusnya dijadikan idola dan contoh adalah akhlak Nabi Muhammad SAW yang diutuskan oleh Allah sebagai Rasulullah untuk memperbaiki akhlak umatnya. Seperti yang diungkapkan oleh saidatina Aisyah apabila ditanya tentang akhlak Rasulullah SAW, “akhlak baginda adalah al-Qur’an”. Jelas di sini, segala aspek tentang kesempurnaan gaya hidup Islam telah termaktub dan diajari selengkapnya melalui kitab suci al-Quran dan ia diterjemahkan melalui akhlak Rasulullah SAW buat panduan dan ikutan umat akhir zaman. Dalam hal ini, diletakkan tafsiran tentang akhlak sama ada yang zahir mahupun yang batin secara serentak dan mempunyai perkaitan yang sangat jelas dengan hati yang membentuk sikap seseorang manusia itu. Akhlak yang keji adalah berpunca dari kekotoran dalam hati manusia itu sendiri.

2.7 Klasifikasi Personaliti

Menurut Carl Jung (1875 – 1961), personaliti individu boleh diklasifikasikan kepada tiga kumpulan yang besar seperti berikut:

- (a) Ekstrovert
- (b) Introvert
- (c) Ambivert

2.7.1 Ekstrovert

Individu yang digolongkan ke dalam kumpulan ini biasanya menonjolkan ciri-ciri seperti relaks, gemar kepada keseronokan, suka bercampur gaul, aktif, inovatif atau gemar kepada perubahan, gemar akan aktiviti-aktiviti luar, mudah bercakap, cepat bertindak balas, tidak mudah bimbang dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan.

2.7.2 Introvert

Individu yang disifatkan sebagai introvert pula menonjolkan ciri-ciri seperti pasif, gemar berseorangan, pemalu, sensitif, cermat reflektif atau sentiasa berfikir terlebih dahulu sebelum menjalankan sesuatu, boleh dipercayai, tenang, tingkah laku yang terkawal, dan kurang bersedia untuk menanggung risiko.

2.7.3 Ambibert

Bagi individu-individu yang mempunyai trait-trait personaliti yang sukar digolongkan sebagai introvert atau ekstrovert, maka mereka boleh disifatkan sebagai ambivert. Ambivert mempunyai trait-trait seorang ekstrovert dan introvert.

2.8 Halangan Personaliti dalam E-pembelajaran

Halangan personaliti memainkan peranan yang penting. Halangan ini merangkumi gaya pembelajaran yang berlainan, kemahuan untuk berubah, motivasi, pengurusan masa, masalah kesihatan fizikal dan psikologikal. Pembelajaran sepatutnya mengambil kira keperluan dan minat pelajar itu sendiri (ASTD & Masie, 2001). Oleh itu, gaya pelajar mesti diambil kira semasa menerangkan program e-pembelajaran

(Kirk, 2002). Di kelas tradisional, pengajar perlu mengetahui bukan semua pelajar belajar menggunakan kaedah yang sama (Champagne et al., 2001) dan begitu juga e-pembelajaran. Halangan personaliti meliputi pengalaman asas dengan e-pembelajaran (ASTD & Maise, 2001). Minat dan pengalaman pelajar menentukan keperluan dalam alam pembelajaran. Kemahuan untuk berubah merupakan salah satu halangan untuk halangan personaliti. Keinginan untuk menerima perubahan dan inovasi merupakan halangan kepada pelajar dalam penggunaan e-pembelajaran. E-pembelajaran memerlukan motivasi diri sendiri (Pollard & Hillage, 2001; Timura, 1995), dedikasi dan disiplin diri sendiri (Pollard & Hilage, 2001). E-pembelajaran biasanya berpandukan kepada diri sendiri. Maka, kemahiran pengurusan masa adalah sangat penting. Kekurangan pengurusan masa merupakan halangan (Garland, 1993). Masalah kesihatan fizikal dan psikologikal merujuk kepada halangan personaliti. Tekanan yang wujud daripada tanggungjawab lain di rumah dan sekolah (Garland, 1993; Giles, 1999) akan menjadi halangan kepada e-pembelajaran. Isu kesihatan dan ketakutan (Palloff & Praff, 1999) juga menghalang e-pembelajaran. Halangan ini juga meliputi isu persendirian, sikap seseorang dan personaliti seseorang.

2.9 Perbezaan antara Personaliti, Watak dan Trait

Watak dan personaliti merupakan dua istilah yang dapat dibezakan. Personaliti merujuk kepada organisasi watak, perangai, intelek, bentuk badan, cara pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang individu. Daripada huraian tadi jelas diketahui bahawa watak itu hanya merupakan sebahagian daripada personaliti.

Watak biasanya merupakan satu bentuk penilaian yang dilakukan oleh ahli-ahli masyarakat dan adalah berdasarkan nilaitara-nilai tara budaya masyarakat. Watak biasanya merangkumi trait-trait seperti kejujuran, toleransi, belas kasihan, hormat-menghormati dan sebagainya. Kesemua ini adalah berdasarkan nilaitara-nilai tara yang ditentukan oleh sesuatu masyarakat. Trait ialah ciri personaliti yang agak kekal. Selain daripada trait-trait yang dinyatakan, trait-trait lain termasuk kerjasama, agresif, pasif, tenang, cemas, tanggungjawab, terbuka, mudah mesra dan sebagainya. Ciri-ciri personaliti tersebut digunakan untuk menilai personaliti seseorang. Personaliti merangkumi unsur-unsur individu yang diwarisi seperti kecerdasan, saiz

badan dan juga unsur-unsur yang ditentukan oleh alam sekitar termasuk perangai, cara dia bertingkah laku, bercakap dan bertindak balas. Sebaliknya watak lebih merupakan suatu penilaian seseorang individu yang ditentukan oleh anggota-anggota masyarakat atau alam sekitar.

2.10 Sikap

Sikap merupakan sebahagian daripada kehidupan dan merupakan salah satu cabang pemikiran sosial. Terdapat beberapa pandangan pengkaji tentang sikap iaitu sikap merupakan kepercayaan atau pandangan tentang manusia, objek atau idea (Santrock, 2002), penilaian kepercayaan yang memudahkan seseorang individu untuk memberikan respons dengan cara yang disukai (Burns, 1997), penilaian secara ringkas sesuatu objek atau pandangan (Bohner & Gerd, 2002) dan perasaan atau kepercayaan tentang orang lain, idea atau objek yang berdasarkan kepada pengalaman seseorang, membentuk tingkahlakunya pada masa akan datang (Lefton & Brannon, 2003). Daripada beberapa pandangan tersebut maka boleh diringkaskan bahawa sikap ialah kecenderungan untuk bertindakbalas sama ada secara positif atau negatif terhadap sesetengah perkara seperti idea, pendapat, objek, orang atau situasi dan sikap juga berkait rapat dengan pendapat atau keyakinan yang berdasarkan kepada pengalaman seseorang.

Pengetahuan dan kemahiran adalah penting tetapi sikap positif merupakan elemen yang paling penting bagi kejayaan pembangunan dan perkembangan penggunaan e-pembelajaran dimana memerlukan pendidik yang yakin kebaikan dan juga memahami keperluan pengajaran sedemikian dan juga rangka kerja sokongan (Kempe, 2001). Terdapat faktor dalaman dan faktor luaran yang menyebabkan pensyarah dapat melaksanakan e-pembelajaran yang lebih berkesan. Menurut Rockwell, et al (1999) faktor yang dalaman yang memberi kesan terhadap e-pembelajaran adalah seperti berikut:

- (a) Memberi pengajaran inovatif
- (b) Aplikasi teknik pengajaran baru
- (c) Kepuasan diri
- (d) Penghargaan kerja
- (e) Perubahan persekitaran

Daripada faktor-faktor dalaman tersebut, maka pengkaji dapat merumuskan item-item soalan yang akan diselitkan di dalam proses temubual. Antara item-item tersebut ialah:

- (a) Motivasi
- (b) Persekitaran
- (c) Ganjaran
- (d) Hasil pengajaran yang lebih baik
- (e) Penerokaan ilmu / pengetahuan baru
- (f) Pertambahan ilmu / pengetahuan baru
- (g) Keinginan untuk perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran
- (h) Memudahkan komunikasi dengan pihak yang berkaitan (pelajar)
- (i) Menjadi pembimbing dan penyelesaian masalah.

Sikap merupakan sebahagian daripada kehidupan dan merupakan salah satu cabang pemikiran sosial. Terdapat beberapa pandangan pengkaji tentang sikap iaitu sikap merupakan kepercayaan atau pandangan tentang manusia, objek atau idea (Santrock, 2002), penilaian kepercayaan yang memudahkan seseorang individu untuk memberikan respons dengan cara yang disukai (Burns, 1997), penilaian secara ringkas sesuatu objek atau pandangan (Bohner & Gerd, 2002) dan perasaan atau kepercayaan tentang orang lain, idea atau objek yang berdasarkan kepada pengalaman seseorang, membentuk tingkahlakunya pada masa akan datang (Lefton & Brannon, 2003). Daripada beberapa pandangan tersebut maka boleh diringkaskan bahawa sikap ialah kecenderungan untuk bertindakbalas sama ada secara positif atau negatif terhadap sesetengah perkara seperti idea, pendapat, objek, orang atau situasi dan sikap juga berkait rapat dengan pendapat atau keyakinan yang berdasarkan kepada pengalaman seseorang.

RUJUKAN

- A. Ab Rahman, N. Muhammad Hanafi, Zuhaila Yusof (2008). "Sikap Pensyarah Terhadap Penggunaan Blackboard 6 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Uthm". Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Allport, F. H. (1919). Behavior and experiment in social psychology. *Journal of Abnormal Psychology*, 14, 297-307.
- Allport, F. H. (1937). *Social psychology*. Boston: Houghton Mifflin.
- Allport, G.W. & Odbert, H.S. (1936). Trait-names: A psycho-lexical study. *Psychological Monographs*, 47(211).
- And Epistemological Barriers to Persistence*. Distance Education, 14(2), 181-198.
- ASTD. (1998). Learning Technology Research Report. Alexandria, VA:ASTD.
- Atan, N. A., Fun, H. Y., Aris, B., and Noor, N. M. (2006). "Isu-Isu dalam E-Pembelajaran", Y. Boon, M. B. Ali, N. Yahaya, A. R. Idris, dan S. M. Salleh, (eds.), *Penggunaan EPembelajaran Di UTM*. City: UTM Skudai.
- Bennet. Z.L. (1999). Sustaining Distance Training : Integrating Learning Technologies into the Fabric of The Fabric of the Enterprise. San Francisco: Jossey-Bases
- Bogdan, R. C., & Biklen. S. K. (1998). *Qualitative research in education:an introduction to theory and method (3rd edition)*. Needhem heights, MA : Allyn & Bacon.
- Bohner, Gerd dan Micheale Wanke(2002)."Attitude and Attitude Change." New York:Phychology Press.5-18.
- Burns, R.B. (1997). "Introduction to Research Methods". Edisi Ketiga. Melboure: Longman.
- CA: Sage.
- Campeau, D. R. & Higgins, C. A. (1995 June). *Computer Self-efficacy: Development of*
- Carian elektronik : "Moodle.org: open-source community-based tools for learning".
- Carl Jung (1875-1961). Personaliti theory. <http://webspace.ship.edu/cgboer/jung.html>
- Chow Fook Meng & Jaaizah Mahamud (2004). *Panduan Kajian Tindakan, Jurnal Maktab Perguruan Perlis Edisi Ke-2*.

- Collin and Anderson (2002). Computer Literacy for The : Theoretical for an International Assessment Computer in Schools, 11(2).55-67
- Cresswel (2005). *Educational Research Planning, Conducting And Evaluating Qualitative Dan Quantitative Research (2nd Ed.)*. New Jersey Columbus, Ohio : Pearson Education.
- Cresswell (1998). *Qualitative Inquiry And Research Design ; Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks, CA : Sage.
- Eysenck, H.J. (1990). Four ways five factors are not basic. *Personality and Individual Differences*, 13, 667-673.
- Garland, M. (1993). Student Perceptions of The Situational, Institutional, Dispositional, And Epistemological Barriers to Persistence. *Distance Education*, 14(2), 181-198.,
- Giles, I.M. (1999). An Examination of Persistence and Dropout N the Online Computer-Conferenced Classroom. Virginia Polytechnic Institute and State University: Doctoral dissertation. Inc.442-487.
- Guillemin, M., & Gillam, L. (2004). Ethics, reflexivity, and “ethically important moments” in research. *Qualitaty Inquiry*, 10(2), pp 261-280.
- Ishak (2004). *Inovasi dan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. AJM Publication.
- Ismail, Ayob (2003). Penjuruteraan Semula Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Satu Cetusan Pemikiran dan Tnjauan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Persidangan Kebangsaan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional 2003.
- Johari bin Mat (2000). Technology in the Malaysia Education System, Malaysia International Conferences on Electronic Learning 2000 (E-Learning 2000). 25-26 Mei Kuala Lumpur. UTM, 1-10
- Jonassen, David H. & Grabowski, Barbara L. (1993). *Handbook of Individual Difference, Learning, and Instruction*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Kearsley (2000). *E-learning strategies for delivering knowledge in the digital age*. New York, NY; McGraw-Hill.
- Ketabchi E., Mortazavi M. & Moeini, A. 2008. Evaluation of user satisfaction in Center of eLearning-University of Tehran. Proceedings of International

Conference on Computer Science and Software Engineering, CSSE 2008, Volume 5. 536-539.

- Ketabchi, E., M. Mortazavi and A. Moeini, 2008. Evaluation of user satisfaction in center of learning University of Tehran. Proceeding of the International Conference on Computer Science and Software Engineering, Dec. 12-14, IEEE Computer Society, Washington DC., USA., pp: 536-539. DOI: 10.1109/CSSE.2008.1513.
- Kim C., Suh K., dan Lee J. (1998) "Utilization and User Satisfaction in End User Computing: A Task Contingent Model". *Information Resources Management Journal*, 11(4). 11-24.
- Kirl. J (2002). *E-learning and Social Networking Handbook : resources for higher education*. London : Taylor and Francis
- Learnframe (2001). May 3, 2001.<http://www.elearningshowcase.com/elearnfaq>
- Lefton, A. Lestor dan Brannon, Linda(2003). "Phycology". 8th. Ed. USA: Pearson Education,
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. A. (1985). *Naturalistic inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Masie, E. (2000). Blending Learning: The Magic is in The Mix. In A. Rosselt (Ed.). *The ASTD E-learning handbook: Best practices, strategies, and case studies for an emerging field*, (pp.58-63). New York: McGraw-Hill.
- McNaught, C. (2002) Towards an institutional eLearning strategy: The long journey. In: Nair, C.S. (ed.) *Evidence based decision making: Scholarship and practice* pp.43-55. Proceedings of the Australasian Higher Education Evaluation Forum (AHEEF) 2008, 2-3 October. Melbourne:Centre for Higher Education Quality, Monash University. Available from : http://www.cuhk.edu.hk/clear/download/Paper/proceedings_version.pdf> [Accessed 30 April 2009].
- Merriam (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey Bass.
- Merriam, S.B. (2001). The new update on adult learning theory. *New Directions for Adult and Continuing Education*, No.89, San Francisco : Jossey Bass Publishers.
- Miles & Huberman (1994) *Qualitative Data Analysis* (2nd ed). Thousand oaks, CA : Sage.
- Mischel W. (1968), '*Personality and Assessment*'

- Mohamed Amin Embi (2010). *Amalan, Keberkesanan & Cabaran Pelaksanaan e-Pembelajaran di IPT Malaysia*. Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi, Adanan Mat Junoh (2003). *Kesediaan Pelajar University Malaysia Menggunakan E-Pembelajaran Sebagai Satu Alat Pembelajaran*. Satu kajian kes di Unisversiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai.
- Mohd Nor bin Ikhsan (2005). *Penggunaan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran*. KUITTHO thesis.
- Muhammad Sukri Saud, Mohd Anuar Abdul Rahman, Ting Kung Shiung (2007). *Kajian Mengenai Penggunaan E-Pembelajaran (E-Learning) di Kalangan Pelajar Jurusan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional di Institusi Pengajian Tinggi (Ipta) Negeri Johor*. Jabatan Pendidikan Dan Kejuruteraan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nichols, M. (2003). *A theory of E-Learning*. Educational Technology and Society.
- Noraini Mohd Saleh (2001). *Penyelidikan Kualitaif: Pengalaman kerja lapangan penyelidikan*. Editor Mohaini Yusof. Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya.
- Omar, R., and Ahmad, J. H. (2009). "Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 155-172.
- Ozkan S. & Koseler R. 2009. Multi-dimensional students' evaluation of e-learning systems in the higher education context: An empirical investigation. *Computers & Education*. 53(4) : 1285-1296.
- Pollard, E., & Hillage, J. (Eds). (2001). *Exploring e-learning*. The Institute for Emploment Studies. Report No. 376. Brighton: UK.
- Pollard, E., & Hillage, J. (Eds). (2001). *Exploring e-learning*. The Institute for Emploment Studies. Report No. 376. Brighton: UK. Rader, M., & Wilhelm,W. (2001). *Needed research in business education (6th ed.)* Little Rock, AR: Deltha Pi Epsilon.
- Pollard, E., & Hillage, J. (Eds). (2001). *Exploring e-learning*. The Institute for Emploment Studies. Report No. 376. Brighton: UK. Rader, M., & Wilhelm,W. (2001). *Needed research in business education (6th ed.)*. Little Rock, AR: Deltha Pi Epsilon.

- Roger (1995). *Diffusion of Innovations*. 4th ed. New York : Free Press, 199
- Salter, G. and Hansen, S. (1999). Modelling new skills for on-line teaching. In J. Winn (Ed.), *Responding to diversity. Proceedings of the 16th annual Australian Society for Computers in Learning in Tertiary Education '99 conference*. pp. 301-305. Queensland University of Technology, Brisbane. 5-8 December.
- Santrock, J.W (2002). "Psychology". 7th Ed. Mc Graw-Hill Companies, Inc.
- Santrock, John W. (2003), [*A topical approach to life-span development*](#) (illustrated ed.), McGraw-Hill,
- Shahabudin. H & Rohizani (2002). *Personaliti Wajadiri Pendidikan : Konsep dan Perkembangan Penyelidikan*.
- Shukri, M., Anuar, M., and Shiung, T. K. "Kajian Mengenai Penggunaan E-Learning Di Kalangan Pelajar Jurusan Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) Negeri Johor." *Presented at 1st International Malaysian Educational Technology Convention*''.
- Sigmund Freud (1959) *On the History of Psychoanalytic Movement*. In *Collected Papers, Volume 1*. New York: Basic Books.
- Thijs, G.D, Sneft (1994). 'Implementing a university'
- Timura, M. (1995). *Perceptions of human resource administrators regarding decisions to support distance learning activities for employees*. (Doctoral dissertation, University of Connecticut, 1995).
- Victor Jeurissen (2004). *Distributed Education: Challenges, choice and new environment*. Washington, DC: American Council on Education.
- Watson (2003). *A Case Study. Exponential Growth at The University of Durham*.
Diperolehi july 4, 2004 daripada
<http://www.blackboard.com/about/cc/durham/index.htm>
- Watson, J. B. (1919). *Psychology from the standpoint of a behaviorist*. Philadelphia: Lippincott.
- Willis, B. & Dickinson, J. (1997). Distance education and the World Wide Web. In B. H. Khan (ed.), *Web-based Instruction*. Educational Technology Publications, Englewood Cliffs, New Jersey.
- Woodroof, J.A.B. & Kasper G.M. (1998). "A Conceptual Development of Process and Outcome User Satisfactions". *Information Resources Management Journal*.11(2).37-43.

Yin, R. K. (2005). *Case study research: Design and methods* (3rd ed.). Thousand Oaks.

Robson, C. (2002) *Real World Research: A Resource for Social Scientists and Practitioner-Researchers*, second edition, Oxford: Blackwell.